

04/12/2001

Negara Islam perlu berusaha kikis pandangan negatif Barat

Zulkofli Jamaludin

KUALA LUMPUR, Isnin - Negara Islam perlu berusaha secara kolektif dan berterusan untuk menjelaskan mengenai agama melalui media serta dialog bagi mengikis pandangan negatif Barat terhadap Islam.

Menteri Pertahanan, Datuk Seri Najib Tun Razak, berkata usaha itu perlu dilakukan secara bersungguh-sungguh dan bersepadu untuk mengurangkan pandangan negatif dengan penumpuan utama kepada penjelasan mengenai Islam.

"Kita boleh menonjolkan model Islam yang progresif dengan menekankan kepada suasana kehidupan harmoni masyarakat Islam di samping mereka yang bukan beragama Islam.

"Kejayaan Malaysia yang terdiri rakyat berbilang kaum dan agama secara berterusan boleh dijadikan contoh di negara Barat," katanya selepas menyampaikan ucap tama pada Kolokium mengenai Kefahaman Islam dan Pandangan Global: Peranan Media yang dianjurkan bersama Institut Pembangunan Komunikasi Asia (Aidcom) dan Pusat Pembangunan Asia dan Pasifik (APDC).

Najib yang juga Naib Presiden Umno berkata, kini ada banyak pandangan negatif terhadap Islam terutama di Barat setelah peristiwa serangan pada 11 September di Amerika Syarikat.

"Kita perlu menghapuskan ketidakfahaman atau pandangan negatif dengan menyampaikan maklumat sebenar kepada semua pihak di negara Barat mengenai Islam.

"Usaha ini juga boleh kita lakukan melalui seminar, forum dan kolokium secara kolektif dengan negara Islam supaya pengetahuan mengenai Islam dapat disebar secara lebih meluas," katanya.

Najib berkata, negara Islam juga perlu mengambil tindakan yang cepat dan tegas mengutuk sebarang kejadian keganasan yang dilakukan menggunakan nama Islam.

"Kita perlu mengeluarkan kenyataan mengutuk dengan jelas dan terang sebab sebarang bentuk tindakan keganasan seperti itu tidak diterima oleh Islam.

"Pendirian itu perlu jelas dari awal tanpa ada keraguan sama sekali. Sebarang keraguan boleh menambah pandangan negatif terhadap Islam," katanya.

Mengenai fungsi media Islam, Najib berkata, semua media mesti bekerjasama dengan lebih erat kerana ketika ini mereka dilihat bertindak secara bersendirian.

"Ini kerana kita bukan terdiri daripada negara kaya. Kebanyakan negara Islam miskin dan kurang berkemampuan. Jika kita ada tindakan secara kolektif, tindakan itu akan lebih berkesan," katanya sambil menambah kerajaan kini membenarkan al-Jazeera menayangkan rangkaian di negara ini.

Najib berkata, sekiranya umat Islam terus ditindas mereka yang hidup dalam keadaan tersekat dan melarat akan menggunakan keganasan untuk menyuarakan rasa tidak puas hati.

Sehubungan itu, katanya, saranan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya diadakan persidangan antarabangsa mengenai keganasan dilaksanakan segera.

"Sekarang ini dasar Amerika di Timur Tengah sudah ada perubahan. Mereka sudah mengiktiraf bahawa masalah tidak wujud negara Palestin berdaulat harus diberi perhatian oleh dunia," katanya.

(END)